

**[MASTERY OF THE PHRASE AL-IDHAFAH (ANNEX) AMONG STUDENTS OF THE UNIVERSITY OF SULTAN ZAINAL ABIDIN]**

**PENGUASAAN FRASA AL-IDHAFAH (ANEKSI) DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

SHEKARMA ABDULLAH<sup>1</sup>

CHE RADIAH MEZAH<sup>1</sup>

AB. HALIM MOHAMAD<sup>1</sup>

KAMARUL SHUKRI MAT TEH<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

\*Corresponding author: @unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2019 • Accepted Date: 9 Januari 2015

**Abstract**

*Proficient phrase mastery in a language is very important to further strengthen the mastery of the language. This is because, various aspects need to be considered before a phrase can be mastered either in writing or speech. Various studies have reported on students' weaknesses in phrase mastery. Thus, this study focuses on mastery in one type of noun phrase only, namely the phrase al-idhāfah or also known as annexation phrase. This descriptive quantitative study was conducted on 186 final year students, majoring in Islamic studies, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Zainal Abidin University. Study data were collected through the implementation of a set of written test questions related to the phrase al-idhāfah. The findings show that the majority of students are at a low level (weak) in the mastery of the phrase al-idhāfah as a whole, either according to the division of marks, grades, level of mastery, and also according to the construct of questions that have been built. It is hoped that this study can be a source of ideas for researchers in further developing a more innovative teaching and learning industry in the future.*

**Keywords:** phrase al-idhafah, annex, Arabic language, al-idhafah

**Abstrak**

Penguasaan frasa yang mantap dalam sesuatu bahasa adalah sangat penting bagi memperkuatkan lagi penguasaan terhadap bahasa tersebut. Ini kerana, pelbagai aspek perlu dipertimbangkan sebelum sesuatu frasa itu dapat dikuasai sama ada dalam penulisan maupun pertuturan. Pelbagai kajian telah melaporkan tentang kelemahan para pelajar dalam penguasaan frasa. Justeru, kajian ini memberi pemfokusan kepada penguasaan dalam satu jenis frasa nama sahaja iaitu frasa al-idhāfah ataupun juga dikenali sebagai frasa aneksi. Kajian kuantitatif yang bersifat deskriptif ini dijalankan ke atas 186 orang pelajar tahun akhir, jurusan pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. Data kajian dikumpul

melalui pelaksanaan satu set soalan ujian bertulis berkaitan dengan frasa al-idhāfah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada tahap rendah (lemah) dalam penguasaan frasa al-idhāfah secara keseluruhannya, sama ada mengikut pembahagian markah, gred, tahap penguasaan, dan juga mengikut konstruk-konstruk soalan yang telah dibina. Kajian ini diharap dapat menjadi satu pencetus idea kepada pengkaji-pengkaji dalam memajukan lagi industri pengajaran dan pembelajaran yang lebih inovatif pada masa akan datang.

**Kata kunci:** frasa al-idhafah/ frasa aneksi, bahasa Arav, al-idhafah.

**Cite as:** Shekarma Abdullah, Che Radiah Mezah, Ab. Halim Mohamad, & Kamarul Shukri Mat Teh .2015. Penguasaan frasa al-Idhafah (Aneksi) dalam kalangan pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(1): 76-105.

## PENGENALAN

Kelemahan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi dalam menguasai bahasa Arab pada hari ini merupakan isu besar yang tidak dapat disangkal. Kelemahan mereka yang ketara terletak pada perkara berikut: perbendaharaan/ kosa kata, şarf/morfologi, nahu/sintaksis, dan juga uslüb (Mat Taib 2008, 94-95). Penutur Melayu yang baru belajar bahasa Arab akan merasakan kesukaran kerana banyak aspek yang perlu dipertimbangkan dan difikirkan sebelum membentuk ayat, sedangkan dalam bahasa Melayu tidak begitu (Mohd. Zaki&Che Radiah 2010, 83).

Berdasarkan apa yang telah dibahaskan, dapat difahami bahawa antara kelemahan-kelemahan yang nyata dan jelas, yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ialah kesukaran yang berpunca daripada struktur sintaksis bahasa Arab. Walaupun mereka telah mempelajari bahasa Arab selama beberapa tahun tetapi masih jelas terbukti kesalahan-kesalahan melalui penggunaan bahasa mereka sama ada daripada aspek penulisan mahupun komunikasi (Abdul Wahab 1995, j).

Pelbagai kajian telah menjelaskan bahawa sintaksis bahasa Arab amat sukar untuk dipelajari. Antara kesukaran yang dihadapi para pelajar ialah pengolahan frasa-frasa dalam pembinaan sesuatu ayat. Justeru, perhatian yang serius hendaklah diberikan oleh para pensyarah, para pelajar, dan juga para pengkaji bahasa bagi memperkasakan lagi penguasaan bahasa itu sendiri, seterusnya dapat dijadikan garis panduan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kelemahan penguasaan frasa menyebabkan para pelajar banyak melakukan kesalahan dalam penulisan, pembacaan, dan perbualan mereka. Kebanyakan pelajar menghadapi masalah apabila diminta untuk membentuk sesuatu ayat dalam bahasa Arab. Walaupun mereka telah banyak mempelajari nahu Arab, tetapi banyak ayat yang dihasilkan tidak betul dan penuh dengan kesalahan nahu daripada segi frasa (Ab. Halim 2002, 4-5).

Masalah kelemahan penguasaan bahasa ini terus berlaku dan ia memerlukan penyelesaian yang konkret. Justeru, usaha-usaha bagi mempermudahkan pengajaran dan

pembelajaran bahasa Arab harus diberi perhatian. Tindakan proaktif dan inovatif amat ditagih agar pendidikan bahasa Arab di Malaysia bersifat dinamik dalam mencapai matlamat pembelajaran. Sementelah pula, tujuan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak lagi statik dengan hanya berorientasikan pengajian Islam ataupun linguistik tulen. Malah, ia telah mula mengorak langkah untuk memenuhi keperluan semasa (Kamarul Shukri 2009, 14-15).

Berdasarkan penelitian-penelitian yang telah dibuat daripada kajian-kajian seperti kajian Ab. Halim (2002), dan juga kajian Ashinida (1998), terdapat beberapa pola kesalahan frasa aneksi ataupun frasa al-idhāfah yang berlaku dalam kalangan pelajar, yang amat perlu diberikan perhatian segera yang sewajarnya, oleh para pensyarah, para pelajar dan juga para pengkaji bahasa.

Kajian-kajian yang telah dijalankan, seperti kajian Kamarul Shukri (2009), Mat Taib (2008), Ab. Halim (2002), Ashinida (1998), Abdul Wahab (1995), Abdul Hamid & Embong (1993), Faisal (1993), dan Ishak (1992), turut menjadikan kajian mengenai penguasaan frasa al-idhāfah ini wajar dilakukan secara lebih mendalam dan terperinci sehingga para pensyarah khususnya, dapat mengenal pasti pola-pola kesalahan dalam frasa al-idhāfah ini, dan dapat mencegah para pelajar daripada mengulangi kesalahan-kesalahan tersebut dalam penulisan, pembacaan mahupun perbualan mereka.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan pelbagai pernyataan masalah yang telah dibincangkan, kajian ini bertujuan mencapai mengenal pasti tahap penguasaan para pelajar Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), dalam memahami dan menguasai frasa al-idhāfah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **PENSAMPELAN**

Subjek kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar semester 6 jurusan pengajian Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, kampus Gong Badak, Terengganu, yang terdiri daripada pelbagai bidang pengajian di peringkat diploma seperti Diploma Pengajian Islam (Syariah), Diploma Pengajian Islam (Usuluddin), Diploma Pengajian Islam (Bahasa Dan Kesasteraan Arab), Diploma Pengajian Islam (Al-Quran Dan Al-Sunnah), Diploma Pengajian Islam (Dakwah), dan juga Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam).

Berdasarkan rekod daripada pihak Akademik, Universiti Sultan Zainal Abidin, saiz populasi kajian ialah 302. Penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian. Kajian ini menggunakan sampel berjumlah 186, yang merangkumi 59 orang responden lelaki, dan 127 orang responden perempuan. Penentuan saiz sampel ini bertujuan memantapkan dan meningkatkan ketepatan penyelidikan dan juga hasil ataupun dapatan kajian dalam penguasaan frasa al-idhāfah. Teknik pemilihan sampel secara pensampelan rawak berstrata (Stratified Random Sampling) digunakan dalam kajian ini.

## INSTRUMEN KAJIAN

Satu set soalan ujian frasa al-idhāfah telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengumpul maklumat mengenai penguasaan para pelajar jurusan pengajian Islam, FKI, UniSZA dalam soalan-soalan ujian frasa al-idhāfah yang merangkumi 5 konstruk utama, iaitu Soalan 1 sehingga Soalan 5, (rujuk Jadual 1).

Konstruk-konstruk yang dibina ini diperincikan dengan item-item yang tertentu bertujuan menilai kemampuan para pelajar dalam penguasaan frasa al-idhāfah secara lebih khusus seperti penguasaan mereka mengikut kasus (nominatif/ akusatif/ genitif), ataupun mengikut genus (maskulin/ feminin), ataupun mengikut bilangan (mufrad/ muthanna (duaan)/ jam'). Taburan item set soalan ujian frasa al-idhāfah adalah sebanyak 60 item, (rujuk Jadual 1). Set soalan ujian frasa al-idhāfah ini dibina dengan jumlah markah sebanyak 60 markah, dan kemudiannya markah tersebut dijadikan peratusan (100 markah).

Pembinaan item-item ini adalah berdasarkan silibus ataupun sukanan pelajaran yang telah ditetapkan oleh FKI, UniSZA, di samping penelitian dan perincian yang telah dibuat melalui pelbagai buku nahu bahasa Arab yang tersohor dan diguna pakai di kebanyakan institusi-institusi pengajian tinggi. Di samping itu, bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, beberapa pakar penilai telah dilantik bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan set soalan ujian frasa al-idhāfah ini, untuk mendapatkan satu set soalan ujian yang lebih mantap daripada segi kandungan serta susunannya, berdasarkan objektif-objektif tertentu yang ingin dicapai.

Jadual 1. Taburan Item Set Soalan Ujian Frasa Al-Idhāfah

Konstruk	Nama Konstruk	Bil. Item
<b>Pertama (Soalan 1)</b>	<b>penentuan al-mudhaf dan al-mudhaf ilahi dalam ayat.</b>	<b>20 item</b>
<b>Kedua (Soalan 2)</b>	<b>pembinaan ayat berdasarkan frasa ak-idhafah yang diberikan</b>	<b>10 item</b>
<b>Ketiga (Soalan 3)</b>	<b>pemenuhan tempat kosong dengan al-mudhaf yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan</b>	<b>10 item</b>
<b>keempat</b>	<b>penentuan kesalahan penggunaan frasa al-idhafah dalam ayat dan pemebtulannya</b>	<b>10 item</b>

Kelima	penggunaan frasa al-idhafah dalam jawapan, berdasarkan soalan-soalan	10 item
--------	--	---------

## ANALISIS DATA

Penganalisisan data dibuat setelah semua skrip jawapan pelajar diperiksa oleh pengkaji dan juga pemeriksa kedua, berdasarkan skema jawapan yang telah ditetapkan. Data-data yang telah diperoleh dianalisis menggunakan satu perisian komputer yang dinamakan sebagai Statistical Package For Social Science, iaitu SPSS. Data-data dianalisis secara deskriptif, iaitu menggunakan petunjuk-petunjuk seperti frekuensi, iaitu kekerapan dan peratusan, min dan juga sisihan piawai.

## DAPATAN KAJIAN

Setelah data-data dianalisis, pelbagai dapatan kajian diperoleh berkaitan penguasaan frasa al-idhāfah ini. Bersesuaian dengan objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti tahap penguasaan para pelajar dalam memahami dan menguasai frasa al-idhāfah ataupun frasa aneksi ini, skor-skor ujian frasa al-idhāfah yang diperoleh telah dianalisis berdasarkan markah keseluruhan (100 markah), berdasarkan gred UniSZA yang terkini (gred A-gred F), berdasarkan tahap (tahap tinggi, sederhana dan rendah), berdasarkan 5 konstruk utama set soalan ujian frasa al-idhāfah (soalan 1-soalan 5), dan juga berdasarkan penguasaan kesemua item (60 item) set soalan ujian frasa al-idhāfah mengikut markah-markah (0 markah, 0.5 markah, 1 markah) yang diperoleh para pelajar.

## ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHĀFAH BERDASARKAN MARKAH KESELURUHAN (100 MARKAH)

Jadual 2 menunjukkan bahawa markah minimum yang diperoleh pelajar adalah sebanyak 7 markah, manakala markah maksimum adalah sebanyak 80 markah daripada markah keseluruhan iaitu 100 markah. Keputusan analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti pelajar dalam sampel kajian ( $N=186$ ) berada pada tahap 1 atau tahap rendah dalam penguasaan frasa al-idhāfah.

Jadual 2. Interpretasi Skor Ujian Frasa Al-Idhāfah (100 Markah) ( $N=186$ )

Markah Penuh	Diperolehi Pelajar ( /100)	Kekerapan	Peratusan	Tahap	Interpretasi
80					

7	1	.5	1	Tahap Rendah
11	1	.5	1	Tahap Rendah
18	2	1.1	1	Tahap Rendah
19	4	2.2	1	Tahap Rendah
21	1	.5	1	Tahap Rendah
22	3	1.6	1	Tahap Rendah
23	4	2.2	1	Tahap Rendah
24	2	1.1	1	Tahap Rendah
25	5	2.7	1	Tahap Rendah
26	4	2.2	1	Tahap Rendah
27	6	3.2	1	Tahap Rendah
28	14	7.5	1	Tahap Rendah
29	6	3.2	1	Tahap Rendah
30	5	2.7	1	Tahap Rendah
31	6	3.2	1	Tahap Rendah
32	4	2.2	1	Tahap Rendah
33	10	5.4	1	Tahap Rendah
34	5	2.7	1	Tahap Rendah
35	3	1.6	1	Tahap Rendah
36	6	3.2	1	Tahap Rendah
37	8	4.3	1	Tahap Rendah
38	12	6.5	1	Tahap Rendah
39	6	3.2	1	Tahap Rendah
40	5	2.7	1	Tahap Rendah
41	5	2.7	1	Tahap Rendah
42	7	3.8	1	Tahap Rendah

43	9	4.8	1	Tahap Rendah
44	1	.5	1	Tahap Rendah
45	7	3.8	1	Tahap Rendah
46	3	1.6	1	Tahap Rendah
47	5	2.7	2	Tahap Sederhana
48	4	2.2	2	Tahap Sederhana
49	3	1.6	2	Tahap Sederhana
50	1	.5	2	Tahap Sederhana
51	5	2.7	2	Tahap Sederhana
52	1	.5	2	Tahap Sederhana
53	2	1.1	2	Tahap Sederhana
55	1	.5	2	Tahap Sederhana
56	1	.5	2	Tahap Sederhana
57	1	.5	2	Tahap Sederhana
63	1	.5	2	Tahap Sederhana
64	1	.5	2	Tahap Sederhana
66	1	.5	2	Tahap Sederhana
67	1	.5	2	Tahap Sederhana
68	1	.5	2	Tahap Sederhana
69	1	.5	2	Tahap Sederhana
80	1	.5	3	Tahap Tinggi

---

Jumlah

186

100.0

## **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHAFAH BERDASARKAN GRED (GRED A-GRED F)**

Menurut dapatan kajian dalam Jadual 3, analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu sebanyak 118 orang responden dalam sampel kajian ( $N=186$ ), memperoleh markah di antara 0-39 markah, iaitu gred F. Sebaliknya, hanya seorang responden sahaja mendapat gred A. Tiada responden kajian yang memperoleh gred A-, iaitu di antara 75-79 markah, pada tahap tinggi, dan juga gred B+, iaitu di antara 70-74 markah, pada tahap sederhana. Seterusnya, diikuti dengan gred B, yang diperoleh oleh 4 orang responden kajian sahaja.

**Jadual 3. Interpretasi Skor Ujian Frasa Al-*Idhāfah* Mengikut Gred ( $N=186$ )**

<b>Skor Ujian Frasa</b>					
<i>Al-<i>Idhāfah</i></i>	Gred	Kekerapan	Peratusan	Tahap	Interpretasi
<b>80- 100 markah</b>	<b>A</b>	1	.5	3	Tahap Tinggi
<b>75- 79 markah</b>	<b>A-</b>	0	0	3	Tahap Tinggi
<b>70- 74 markah</b>	<b>B+</b>	0	0	2	Tahap Sederhana
<b>65- 69 markah</b>	<b>B</b>	4	2.2	2	Tahap Sederhana
<b>60- 64 markah</b>	<b>B-</b>	2	1.1	2	Tahap Sederhana
<b>55- 59 markah</b>	<b>C+</b>	3	1.6	2	Tahap Sederhana
<b>50- 54 markah</b>	<b>C</b>	9	4.8	2	Tahap Sederhana

<b>47- 49 markah</b>	<b>C-</b>	<b>12</b>	<b>6.5</b>	<b>2</b>	Tahap Sederhana
<b>44- 46 markah</b>	<b>D+</b>	<b>11</b>	<b>5.9</b>	<b>1</b>	Tahap Rendah
<b>40- 43 markah</b>	<b>D</b>	<b>26</b>	<b>14.0</b>	<b>1</b>	Tahap Rendah
<b>0- 39 markah</b>	<b>F</b>	<b>118</b>	<b>63.4</b>	<b>1</b>	Tahap Rendah
<b>Jumlah</b>		<b>186</b>	<b>100.0</b>		

#### **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHAFAH BERDASARKAN TAHAP (TAHAP TINGGI/ SEDERHANA/ RENDAH).**

Berdasarkan Jadual 4, keputusan analisis deskriptif menunjukkan bahawa hanya seorang responden kajian dalam sampel kajian ( $N=186$ ) berada pada tahap 3 iaitu tahap tinggi, dengan pencapaian markah di antara 75-100 markah. Sebanyak 83.3% responden, dengan kekerapan sebanyak 155 orang responden, berada pada tahap 1 iaitu tahap rendah.

Jadual 4. Interpretasi Skor Ujian Frasa Al-Idhāfah Mengikut Tahap ( $N=186$ )

Skor Ujian Frasa <i>Al-Idhāfah</i>	Kekerapan	Peratusan	Tahap	Interpretasi
<b>0–46 markah</b>	155	83.3	1	Tahap Rendah
<b>47–74 markah</b>	30	16.1	2	Tahap Sederhana
<b>75–100 markah</b>	1	.5	3	Tahap Tinggi

Jumlah	186	100.0
--------	-----	-------

---

## **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHĀFAH BERDASARKAN KONSTRUK PERTAMA (SOALAN 1)**

Merujuk kepada Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat seorang responden kajian yang memperoleh markah penuh untuk konstruk yang pertama ini. Majoriti responden, iaitu seramai 20 orang responden mendapat 12 markah daripada konstruk yang pertama ini, dan tidak terdapat responden yang mendapat 0-2.0 markah. Dengan kata lain, markah minimum yang diperoleh responden ialah sebanyak 2.5 markah daripada markah penuh, iaitu sebanyak 20 markah. Kajian ini juga telah menginterpretasikan tahap-tahap markah bagi konstruk yang pertama ini, dan dirumuskan seperti mana Jadual 6.

Jadual 5. Penentuan Al-Mudhāf Dan Al-Mudhāf Ilaihi Dalam Ayat (N=186)

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Peratusan
<b>Penentuan Al-Mudhāf Dan Al-Mudhāf Ilaihi Dalam Ayat</b>	0-2.0 markah	0	0
<b>(Soalan 1)</b>			
	2.5 markah	1	.5
	3 markah	2	1.1
	4 markah	1	.5
	5 markah	3	1.6
	5.5 markah	1	.5
	6 markah	3	1.6
	6.5 markah	3	1.6
	7 markah	3	1.6
	7.5 markah	1	.5
	8 markah	3	1.6
	8.5 markah	4	2.2
	9 markah	11	5.9

9.5 markah	6	3.2
10 markah	11	5.9
10.5 markah	10	5.4
11 markah	13	7.0
11.5 markah	6	3.2
12 markah	20	10.8
12.5 markah	9	4.8
13 markah	8	4.3
13.5 markah	6	3.2
14 markah	11	5.9
14.5 markah	10	5.4
15 markah	6	3.2
15.5 markah	5	2.7
16 markah	4	2.2
16.5 markah	7	3.8
17 markah	6	3.2
17.5 markah	5	2.7
18 markah	2	1.1
18.5 markah	2	1.1
19 markah	2	1.1
20 markah	1	.5
Jumlah	186	100.0

**Jadual 6. Interpretasi Tahap Markah Bagi Soalan 1 (N=186)**

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Interpretasi
<b>Penentuan Al-Mudhāf Dan</b>	0-6 markah	11	Sangat Lemah
<b>Al-Mudhāf Ilaahi Dalam</b>	(2.5-6.0 markah)		
<b>Ayat (Soalan 1)</b>			
	6.5-11.5 markah	71	Lemah
	12-16.5 markah	86	Sederhana
	17-20 markah	18	Cemerlang
<b>Jumlah</b>	<b>186</b>		

Jadual 6 jelas menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap sederhana, iaitu seramai 86 responden, dan pada tahap cemerlang seramai 18 orang responden.

#### **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHĀFAH BERDASARKAN KONSTRUK KEDUA (SOALAN 2)**

Soalan yang kedua ini merangkumi soalan-soalan berkaitan pembinaan ayat berdasarkan frasa al-idhāfah yang telah diletakkan baris dengan mengambil kira elemen-elemen seperti genus, bilangan dan juga kasus. Kekerapan bagi markah-markah yang diperoleh pelajar dapat dilihat dalam Jadual 7. Terdapat seorang responden yang memperoleh markah maksimum (markah penuh) 10 markah. Markah minimum yang diperoleh bagi soalan 2 ini pula adalah 0 markah. Selepas membuat pengamatan pada Jadual 7, skor-skor tersebut dirumuskan dalam Jadual 8 bagi menginterpretasikan tahap-tahap markah tersebut.

**Jadual 7. Pembinaan Ayat Berdasarkan Frasa *Al-Idhāfah* Yang Diberikan (N=186)**

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Peratusan

<b>Pembinaan Ayat Berdasarkan</b>	0 markah	12	6.5
<b>Frasa</b>	0.5 markah	8	4.3
<b>Al-Idhāfah Yang Diberikan</b>	1 markah	21	11.3
<b>(Soalan 2)</b>	1.5 markah	14	7.5
	2 markah	26	14.0
	2.5 markah	24	12.9
	3 markah	20	10.8
	3.5 markah	19	10.2
	4 markah	18	9.7
	4.5 markah	8	4.3
	5 markah	4	2.2
	5.5 markah	5	2.7
	6 markah	2	1.1
	7 markah	1	.5
	7.5 markah	1	.5
	8 markah	1	.5
	9 markah	1	.5
	10 markah	1	.5
<b>Jumlah</b>	<b>186</b>		<b>100.0</b>

Jadual 8. Interpretasi Tahap Markah Bagi Soalan 2 (N=186)

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Interpretasi

<b>Pembinaan Ayat</b>	0-2 markah	81	Sangat Lemah
<b>Berdasarkan Frasa Al-</b>			
<b><i>Idhāfah</i> Yang Diberikan</b>			
<b>(Soalan 2)</b>	2.5-4.5 markah	89	Lemah
	5-7 markah	12	Sederhana
	7.5-10 markah	4	Cemerlang
<b>Jumlah</b>		<b>186</b>	

Berdasarkan Jadual 8, majoriti responden berada pada tahap sangat lemah dan lemah, iaitu seramai 170 responden ( $N=186$ ). Dengan kata lain, para pelajar masih belum dapat membina ayat dengan baik, dengan menggunakan frasa-frasa al-idhāfah yang telah diberikan.

### **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHĀFAH BERDASARKAN KONSTRUK KETIGA (SOALAN 3)**

Berdasarkan Jadual 9, jelas menunjukkan hasil analisis deskriptif, iaitu markah maksimum yang diperoleh pelajar bagi soalan ini adalah 9 markah, dengan kekerapan seorang responden sahaja. Tiada seorang responden pun ( $N=186$ ), yang mendapat markah penuh, iaitu sebanyak 10 markah. Markah minimum yang diperoleh adalah sebanyak 0 markah, dengan kekerapan 13 orang responden. Bagi menginterpretasikan tahap-tahap markah tersebut, ia dirumuskan sepetimana Jadual 10.

### **Jadual 9. Pemenuhan Tempat Kosong Dengan Al-Mudhāf Yang Sesuai Berdasarkan Ayat Yang Diberikan ( $N=186$ )**

<b>Nama Konstruk</b>	<b>Markah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Pemenuhan Tempat Kosong</b>	0 markah	13	7.0
<b>Dengan</b>	0.5 markah	23	12.4
<b>Al-Mudhāf Yang Sesuai</b>	1 markah	31	16.7
<b>Berdasarkan Ayat Yang</b>			

<b>Diberikan</b>	1.5 markah	27	14.5
<b>(Soalan 3)</b>	2 markah	26	14.0
	2.5 markah	21	11.3
	3 markah	12	6.5
	3.5 markah	12	6.5
	4 markah	6	3.2
	4.5 markah	6	3.2
	5 markah	3	1.6
	5.5 markah	3	1.6
	6 markah	1	.5
	7 markah	1	.5
	9 markah	1	.5
	10 markah	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>186</b>	<b>100.0</b>

Jadual 10. Interpretasi Tahap Markah Bagi Soalan 3 (N=186)

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Interpretasi
<b>Pemenuhan Tempat</b>	0-2 markah	120	Sangat Lemah
<b>Kosong Dengan Al-Mudhāf Yang Sesuai</b>			
<b>Berdasarkan Ayat Yang Diberikan (Soalan 3)</b>	2.5-4.5 markah	57	Lemah
	5-7 markah	8	Sederhana
	7.5-10 markah	1	Cemerlang

(7.5-9 markah)

---



---

Jumlah 186

---



---

Merujuk kepada Jadual 10, jelas menunjukkan bahawa terdapat hanya 9 orang responden kajian ( $N=186$ ), yang berada pada tahap sederhana dan juga cemerlang. 8 orang responden berada pada tahap sederhana dan seorang responden berada pada tahap cemerlang. Ini jelas menunjukkan, majoriti responden, iaitu seramai 177 orang responden, tidak dapat menguasai konstruk ini.

#### **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHĀFAH BERDASARKAN KONSTRUK KEEMPAT (SOALAN 4)**

Berdasarkan Jadual 11, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa responden hanya memperoleh markah tertinggi sebanyak 6.5 markah sahaja daripada 10 markah untuk soalan yang keempat ini. Hanya 2 orang responden kajian sahaja daripada sampel kajian ( $N=186$ ) yang memperoleh markah tertinggi. Perolehan markah ini dirumuskan dalam Jadual 12, yang merangkumi kekerapan dan juga interpretasi tahap markah-markah tersebut.

Jadual 11. Penentuan Kesalahan Penggunaan Frasa Al-*Idhāfah* Dalam Ayat Dan Pembetulannya ( $N=186$ )

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Peratusan
<b>Penentuan Kesalahan</b>	0 markah	4	2.2
<b>Penggunaan Frasa</b>	0.5 markah	4	2.2
<b>Al-<i>Idhāfah</i> Dalam Ayat Dan Pembetulannya</b>	1 markah	19	10.2
<b>(Soalan 4)</b>	1.5 markah	20	10.8
	2 markah	29	15.6
	2.5 markah	23	12.4
	3 markah	17	9.1

3.5 markah	29	15.6
4 markah	15	8.1
4.5 markah	6	3.2
5 markah	12	6.5
5.5 markah	5	2.7
6 markah	1	.5
6.5 markah	2	1.1
7.0-10 markah	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>186</b>	<b>100.0</b>

Jadual 12. Interpretasi Tahap Markah Bagi Soalan 4 (N=186)

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Interpretasi
<b>Penentuan Kesalahan</b>	0-2 markah	76	Sangat Lemah
<b>Penggunaan Frasa Al-</b>			
<b><i>Idhāfah Dalam Ayat Dan</i></b>			
<b>Pembetulannya (Soalan 4)</b>	<b>2.5-4.5 markah</b>	<b>90</b>	<b>Lemah</b>
5-7 markah	20	Sederhana	
(5-6.5 markah)			
7.5-10 markah	0	Cemerlang	
<b>Jumlah</b>	<b>186</b>		

Berdasarkan Jadual 12, majoriti responden, iaitu seramai 90 responden memperoleh markah di antara 2.5 markah sehingga 4.5 markah, iaitu skornya berada pada tahap lemah. Tiada

responden yang berada pada tahap cemerlang, dan markah maksimum yang diperoleh hanyalah 6.5 markah.

#### **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHĀFAH BERDASARKAN KONSTRUK KELIMA (SOALAN 5)**

Bagi konstruk yang kelima, Jadual 13 jelas menunjukkan bahawa majoriti responden kajian, iaitu sebanyak 31 orang responden daripada jumlah responden seramai 186 orang responden, mendapat markah sebanyak 2.5 markah sahaja. Hanya seorang responden memperoleh markah tertinggi bagi konstruk ini, iaitu 8 markah daripada markah penuh, iaitu 10 markah. Rentetan daripada itu, perolehan-perolehan markah ini dirumuskan dalam Jadual 14 bagi menginterpretasikan tahap-tahap markah tersebut.

Jadual 13. Penggunaan Frasa Al-Idhāfah Dalam Jawapan Berdasarkan Soalan-Soalan Yang Telah Diberikan (N=186)

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Peratusan
<b>Penggunaan Frasa</b>	0 markah	11	5.9
<b>Al-Idhāfah Dalam Jawapan</b>	0.5 markah	7	3.8
<b>Berdasarkan Soalan-Soalan Yang</b>	1 markah	18	9.7
<b>Telah Diberikan</b>	1.5 markah	21	11.3
<b>(Soalan 5)</b>	2 markah	28	15.1
	2.5 markah	31	16.7
	3 markah	22	11.8
	3.5 markah	13	7.0
	4 markah	9	4.8
	4.5 markah	8	4.3
	5 markah	5	2.7
	5.5 markah	6	3.2
	6 markah	4	2.2
	6.5 markah	1	.5

	7 markah	1	.5
	8 markah	1	.5
	8.5-10 markah	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>186</b>	<b>100.0</b>

Jadual 14. Interpretasi Tahap Markah Bagi Soalan 5 (N=186)

Nama Konstruk	Markah	Kekerapan	Interpretasi
<b>Penggunaan Frasa Al-</b>	0-2 markah	85	Sangat Lemah
<b><i>Idhāfah</i> Dalam Jawapan</b>			
<b>Berdasarkan Soalan-</b>			
<b>Soalan Yang Telah</b>	2.5-4.5 markah	83	Lemah
<b>Diberikan (Soalan 5)</b>			
	5-7 markah	17	Sederhana
	7.5-10 markah	1	Cemerlang
	(8 markah)		
<b>Jumlah</b>		<b>186</b>	

Berdasarkan Jadual 14, majoriti responden iaitu seramai 168 orang responden berada pada tahap sangat lemah dan juga lemah, dengan pencapaian markah di antara 0 markah sehingga 4.5 markah sahaja.

#### **ANALISIS SKOR UJIAN FRASA AL-IDHĀFAH BERDASARKAN SETIAP ITEM MENGIKUT MARKAH (0 MARKAH, 0.5 MARKAH, 1 MARKAH)**

Jadual 15 jelas menunjukkan bahawa item yang mendapat kekerapan yang tinggi bagi markah penuh (1 markah) adalah item 1.3, item 1.1, item 1.17, item 1.10 dan item 1.20. Sebaliknya, item 3.5, item 3.9 dan item 5.1 masing-masing mendapat kekerapan yang tinggi bagi 0 markah.

Jadual 15. Frekuensi (Kekerapan Dan Peratusan) Untuk Setiap Item Ujian Frasa Al-*Idhāfah* Mengikut Markah (N=186)

<b>Markah</b>	<b>0 Markah</b>		<b>0.5 Markah</b>		<b>1 Markah</b>	
	<b>Item</b>	<b>Ujian</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Frasa</b>						
<b><i>Al-Idhāfah</i></b>						
<b>SOALAN 1</b>						
<b>Soalan 1.1</b>	10	5.4	5	2.7	171	91.9
<b>Soalan 1.2</b>	39	21.0	1	.5	146	78.5
<b>Soalan 1.3</b>	8	4.3	-	-	178	95.7
<b>Soalan 1.4</b>	134	72.0	9	4.8	43	23.1
<b>Soalan 1.5</b>	154	82.8	8	4.3	24	12.9
<b>Soalan 1.6</b>	91	48.9	20	10.8	75	40.3
<b>Soalan 1.7</b>	41	22.0	20	10.8	125	67.2
<b>Soalan 1.8</b>	75	40.3	6	3.2	105	56.5
<b>Soalan 1.9</b>	77	41.4	3	1.6	106	57.0
<b>Soalan 1.10</b>	4	2.2	15	8.1	167	89.8
<b>Soalan 1.11</b>	83	44.6	6	3.2	97	52.2
<b>Soalan 1.12</b>	108	58.1	9	4.8	69	37.1
<b>Soalan 1.13</b>	95	51.1	11	5.9	80	43.0
<b>Soalan 1.14</b>	58	31.2	7	3.8	121	65.1
<b>Soalan 1.15</b>	120	64.5	31	16.7	35	18.8
<b>Soalan 1.16</b>	82	44.1	16	8.6	88	47.3

<b>Soalan 1.17</b>	16	8.6	-	-	170	91.4
<b>Soalan 1.18</b>	108	58.1	12	6.5	66	35.5
<b>Soalan 1.19</b>	61	32.8	9	4.8	116	62.4
<b>Soalan 1.20</b>	24	12.9	4	2.2	158	84.9

**SOALAN 2**

<b>Soalan 2.1</b>	130	69.9	33	17.7	23	12.4
<b>Soalan 2.2</b>	71	38.2	44	23.7	71	38.2
<b>Soalan 2.3</b>	114	61.3	19	10.2	53	28.5
<b>Soalan 2.4</b>	106	57.0	47	25.3	33	17.7
<b>Soalan 2.5</b>	129	69.4	20	10.8	37	19.9
<b>Soalan 2.6</b>	150	80.6	18	9.7	18	9.7
<b>Soalan 2.7</b>	150	80.6	14	7.5	22	11.8
<b>Soalan 2.8</b>	154	82.8	18	9.7	14	7.5
<b>Soalan 2.9</b>	98	52.7	39	21.0	49	26.3
<b>Soalan 2.10</b>	119	64.0	39	21.0	28	15.1

**SOALAN 3**

<b>Soalan 3.1</b>	116	62.4	36	19.4	34	18.3
<b>Soalan 3.2</b>	128	68.8	47	25.3	11	5.9
<b>Soalan 3.3</b>	62	33.3	95	51.1	29	15.6
<b>Soalan 3.4</b>	162	87.1	6	3.2	18	9.7
<b>Soalan 3.5</b>	183	98.4	1	.5	2	1.1
<b>Soalan 3.6</b>	145	78.0	12	6.5	29	15.6
<b>Soalan 3.7</b>	114	61.3	46	24.7	26	14.0
<b>Soalan 3.8</b>	135	72.6	21	11.3	30	16.1
<b>Soalan 3.9</b>	181	97.3	3	1.6	2	1.1

<b>Soalan 3.10</b>	103	55.4	58	31.2	25	13.4
<b>SOALAN 4</b>						
<b>Soalan 4.1</b>	75	40.3	59	31.7	52	28.0
<b>Soalan 4.2</b>	124	66.7	44	23.7	18	9.7
<b>Soalan 4.3</b>	127	68.3	56	30.1	3	1.6
<b>Soalan 4.4</b>	99	53.2	33	17.7	54	29.0
<b>Soalan 4.5</b>	84	45.2	95	51.1	7	3.8
<b>Soalan 4.6</b>	95	51.1	47	25.3	44	23.7
<b>Soalan 4.7</b>	136	73.1	45	24.2	5	2.7
<b>Soalan 4.8</b>	100	53.8	45	24.2	41	22.0
<b>Soalan 4.9</b>	142	76.3	20	10.8	24	12.9
<b>Soalan 4.10</b>	128	68.8	31	16.7	27	14.5
<b>Soalan 4.7</b>						
<b>Soalan 4.7</b>	136	73.1	45	24.2	5	2.7
<b>Soalan 4.8</b>	100	53.8	45	24.2	41	22.0
<b>Soalan 4.9</b>	142	76.3	20	10.8	24	12.9
<b>Soalan 4.10</b>	128	68.8	31	16.7	27	14.5
<b>SOALAN 5</b>						
<b>Soalan 5.1</b>	176	94.6	7	3.8	3	1.6
<b>Soalan 5.2</b>	116	62.4	40	21.5	30	16.1
<b>Soalan 5.3</b>	94	50.5	43	23.1	49	26.3
<b>Soalan 5.4</b>	102	54.8	44	23.7	40	21.5
<b>Soalan 5.5</b>	149	80.1	12	6.5	25	13.4
<b>Soalan 5.6</b>	58	31.2	34	18.3	94	50.5
<b>Soalan 5.7</b>	128	68.8	45	24.2	13	7.0
<b>Soalan 5.8</b>	117	62.9	36	19.4	33	17.7
<b>Soalan 5.9</b>	151	81.2	21	11.3	14	7.5

## PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Melalui penelitian yang telah dibuat berdasarkan Jadual 2, perolehan markah sebanyak 7 markah merupakan markah yang terlalu kecil jika dibandingkan dengan latar belakang responden kajian yang mengikuti pengajian di peringkat diploma dalam jurusan pengajian Islam. Responden tersebut mengikuti program Diploma Pengajian Islam (Dakwah) di FKI, UniSZA. Perlu diberikan perhatian bahawa, responden tidak mendapat sebarang markah (0 markah), bagi dua soalan utama set soalan ujian frasa al-idhāfah ini, iaitu bagi konstruk yang ketiga dan juga konstruk yang keempat. Dengan kata lain, responden tidak mempunyai pemahaman dan penguasaan yang baik dalam frasa al-idhāfah dan ia adalah tahap yang paling lemah yang perlu diatasi dengan segera.

Berkaitan dengan markah maksimum yang diperoleh responden pula, hasil kajian mendapati bahawa terdapat seorang sahaja responden yang memperoleh 80 markah daripada markah keseluruhan (100 markah). Responden tersebut merupakan pelajar program Diploma Pengajian Islam (Bahasa Dan Kesusastraan Arab). Secara keseluruhannya, responden dapat menguasai dan memahami frasa al-idhāfah dan juga hukum-hukumnya dengan baik. Lantaran itu, kesilapan-kesilapan yang dilakukannya adalah terlalu kecil. Melalui pemerhatian dan juga penelitian, faktor jurusan pengajian juga mempengaruhi perolehan markah ini kerana, para pelajar Diploma Pengajian Islam (Bahasa Dan Kesusastraan Arab) lebih banyak mempelajari subjek-subjek berkaitan tatabahasa Arab, berbanding para pelajar daripada jurusan-jurusan pengajian Islam yang lain seperti, Diploma Pengajian Islam (Dakwah, Syariah, Usuluddin, Al-Quran Dan Al-Sunnah, dan juga Pentadbiran Islam).

Berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 4 pula, majoriti responden kajian, iaitu seramai 155 orang responden kajian, dengan bilangan populasi kajian seramai 186 orang responden ( $N=186$ ), berada pada tahap rendah, iaitu pada gred D+, D dan juga gred F, dengan perolehan markah sebanyak 0-46 markah. Di samping itu, apa yang lebih dibimbangi oleh pengkaji, majoriti responden berada pada tahap paling rendah, iaitu seramai 118 responden memperoleh markah di antara 0-39 markah sahaja. Dapat difahami bahawa melalui keputusan analisis deskriptif, para pelajar jurusan pengajian Islam, FKI, UniSZA, masih perlu mempertingkatkan lagi penguasaan dan pemahaman dalam frasa al-idhāfah ini kerana ia merupakan sebahagian daripada tajuk-tajuk nahu yang telah diberikan keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab umumnya.

Merujuk kepada Jadual 5, jelas menunjukkan bahawa terdapat seorang responden kajian yang berjaya menjawab kesemua item ini, iaitu sebanyak 20 item dengan perolehan markah maksimum, iaitu 20 markah. Akan tetapi, apa yang dibimbangi, hanya 104 orang responden ( $N=186$ ) yang berada pada tahap sederhana dan juga cemerlang, sepertimana dalam Jadual 6.

Dapat difahami bahawa para pelajar masih menghadapi masalah dalam menentukan al-mudhāf dan al-mudhāf ilaihi dalam sejumlah ayat. Rentetan daripada permasalahan ini, tindakan yang proaktif daripada para pensyarah amatlah diperlukan bagi memantapkan lagi penguasaan para pelajar dalam frasa al-idhāfah khususnya, dan bahasa Arab umumnya.

Berdasarkan Jadual 7 dan Jadual 8, dapat diperhatikan bahawa para pelajar masih belum dapat membina ayat dengan baik, dengan menggunakan frasa-frasa al-idhāfah yang telah diberikan, walaupun frasa-frasa tersebut telah diletakkan baris dan telah mengambil kira elemen-elemen seperti genus, bilangan dan juga kasus. Lantaran itu, aspek pembinaan ayat menggunakan frasa-frasa ini perlulah diberikan penekanan yang lebih berbanding aspek-aspek yang lain kerana ia merupakan salah satu aspek terpenting bagi menentukan seseorang pelajar itu dapat menggunakan bahasa yang dipelajari mengikut hukum-hukum sintaksisnya yang betul ataupun sebaliknya.

Dapatkan kajian bagi konstruk yang ketiga pula (rujuk Jadual 9 dan Jadual 10), menunjukkan bahawa terdapat 13 orang responden yang tidak memperoleh sebarang markah, iaitu 0 markah. Hal ini demikian kerana para pelajar terbatas daripada segi pemilihan kosa kata bahasa Arab dalam melengkapkan frasa al-idhāfah dengan al-mudhāf yang bersesuaian di samping mengambil kira elemen-elemen seperti genus, bilangan dan juga kasus.

Di samping itu, berkaitan dengan konstruk yang keempat pula (rujuk Jadual 11 dan Jadual 12), secara keseluruhannya, para pelajar masih lemah dalam mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam frasa al-idhāfah yang telah diberikan, disebabkan kecuaian mereka sendiri dalam meneliti secara terperinci perubahan-perubahan yang berlaku pada al-mudhāf dan juga al-mudhāf ilaihi, sama ada berdasarkan genus, bilangan dan juga kasus-kasus yang tertentu.

Berdasarkan Jadual 13 dan Jadual 14, dapat diperhatikan bahawa para pelajar masih belum menguasai konstruk ini walaupun para pelajar bebas menggunakan frasa al-idhāfah dalam jawapan mereka, mengikut kesesuaian mereka sendiri, dengan mengambil kira elemen-elemen seperti genus, bilangan dan juga kasus-kasus sintaksis bahasa Arab, tanpa ditentukan oleh kehendak soalan. Hal ini demikian kerana para pelajar tidak dapat memahami dengan mendalam tentang frasa al-idhāfah dan juga hukum-hukum sintaksisnya. Implikasinya, mereka tidak dapat menjawab dengan baik item-item yang diberikan walaupun ia adalah item-item yang terlalu mudah untuk dijawab.

Melalui keputusan analisis deskriptif dalam Jadual 15, keputusan-keputusan analisis tersebut dapat dirumuskan dalam Jadual 16 dan juga Jadual 17. Jadual-jadual ini akan memaparkan secara terperinci mengenai kekerapan tertinggi dengan 1 markah, yang disusun mengikut susunan item-item yang lebih dikuasai oleh para pelajar, seterusnya item-item yang tidak dapat dikuasai oleh para pelajar. Bilangan responden adalah seramai 186 orang, dan baki kepada kekerapan dengan 1 markah adalah para pelajar yang memperoleh 0 markah dan juga 0.5 markah.

**Jadual 16. Kekerapan Dengan 1 Markah Bagi Item Ujian Frasa *Al-Idhāfah* (N=186)**

MARKAH	1 MARKAH
Item Ujian Frasa <i>Al-Idhāfah</i>	Kekerapan
<b>SOALAN 1 (20 ITEM)</b>	
Soalan 1.3	178
Soalan 1.1	171
Soalan 1.17	170
Soalan 1.10	167
Soalan 1.20	158
Soalan 1.2	146
Soalan 1.7	125
Soalan 1.14	121
Soalan 1.19	116
Soalan 1.9	106
Soalan 1.8	105
Soalan 1.11	97
Soalan 1.16	88
Soalan 1.13	80
Soalan 1.6	75
Soalan 1.12	69
Soalan 1.18	66
Soalan 1.4	43
Soalan 1.15	35
Soalan 1.5	24

**SOALAN 2 (10 ITEM)**

Soalan 2.2	71
Soalan 2.3	53
Soalan 2.9	49
Soalan 2.5	37
Soalan 2.4	33
Soalan 2.10	28
Soalan 2.1	23
Soalan 2.7	22
Soalan 2.6	18
Soalan 2.8	4

**SOALAN 3 (10 ITEM)**

---

Soalan 3.1	34
Soalan 3.8	30
Soalan 3.3	29
Soalan 3.6	29
Soalan 3.7	26
Soalan 3.10	25
Soalan 3.4	18
Soalan 3.2	11

Soalan 3.9 2

Soalan 3.5 2

**SOALAN 4 (10 ITEM)**

Soalan 4.4 54

Soalan 4.1 52

Soalan 4.6 44

Soalan 4.8 41

Soalan 4.10 27

Soalan 4.9 24

Soalan 4.2 18

Soalan 4.5 7

---

Soalan 4.7 5

Soalan 4.3 3

**SOALAN 5 (10 ITEM)**

Soalan 5.6 94

Soalan 5.3 49

Soalan 5.4 40

Soalan 5.8 33

Soalan 5.2 30

Soalan 5.5 25

Soalan 5.9 14

Soalan 5.7 13

Soalan 5.10	5
Soalan 5.1	3

---

Jadual 17. Kekerapan Dengan 0 Markah Bagi Item Ujian Frasa *Al-Idhāfah* (N=186)

<b>MARKAH</b>	<b>0 MARKAH</b>	
	<b>Item Ujian Frasa <i>Al-Idhāfah</i></b>	<b>Kekerapan</b>
Soalan 3.9		181
Soalan 5.1		176
Soalan 3.4		162
Soalan 2.8		154
Soalan 1.5		154
Soalan 5.9		151
Soalan 2.6		150
Soalan 2.7		150
Soalan 5.5		149

---

Dapat disimpulkan bahawa item-item yang mendapat kekerapan yang tinggi bagi markah penuh (1 markah) adalah item-item daripada konstruk yang pertama. Item-item daripada konstruk yang ketiga pula paling tidak dapat dikuasai pelajar berbanding item-item daripada konstruk-konstruk yang kedua, keempat dan juga kelima. Hal ini demikian kerana konstruk pertama adalah dianggap lebih mudah untuk dikuasai oleh para pelajar berbanding empat konstruk yang lain kerana para pelajar hanya diuji tahap kemampuan mereka dalam mengenal pasti 2 komponen frasa al-idhāfah, iaitu al-mudhāf dan al-mudhāf ilaihi sahaja, (rujuk Jadual 1).

## KESIMPULAN

Sepertimana yang telah diketahui, kajian ini telah memberi pendedahan kepada penguasaan frasa al-idhāfah ataupun frasa aneksi, iaitu dikenali sebagai al-murakkab al-idhāfī dalam bahasa Arab. Secara khususnya, isu ini memberi pemfokusan kepada pelajar-pelajar diploma jurusan pengajian Islam, FKI, UniSZA, kampus Gong Badak, Terengganu. Perbincangan mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperoleh, diharap dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada FKI, UniSZA khususnya, dan juga institusi-institusi pengajian tinggi yang lain umumnya, bagi memperkasakan lagi dasar-dasar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Sebagai kesimpulannya, kajian ini mengutarakan beberapa cadangan, supaya dapat dijadikan garis panduan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran frasa al-idhāfah khususnya. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pemahaman pelajar tentang frasa al-idhāfah perlu diutamakan sebelum pelbagai latihan mengenainya diberikan kepada para pelajar. Pelajaran yang diajar sewajarnya diulangi beberapa kali mengikut tahap kecerdasan pelajar. Di samping itu, para pensyarah mestilah menggalakkan dan memberikan motivasi kepada para pelajar supaya melibatkan diri semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.
- ii. Satu tabiat berbahasa perlu diwujudkan bagi memperkasakan lagi bahasa yang dipelajari khususnya hukum-hukum sintaksis yang berkaitan. Seterusnya, sekiranya terdapat kesalahan, para pensyarah seharusnya terus memperbetulkannya, supaya para pelajar menyedari kesalahan tersebut dan tidak mengulanginya pada masa yang akan datang.
- iii. Penterjemahan juga perlu dalam pengajaran frasa, dalam sesetengah keadaan, contohnya bagi mengelakkan para pelajar keliru di antara maksud-maksud bagi frasa al-idhāfah dan juga frasa al-na`at. Tetapi, ia juga perlu dihadkan dan digunakan mengikut keperluan sahaja.
- iv. Memperbanyak kosa kata bahasa Arab, supaya para pelajar tidak terbatas untuk membina ayat-ayat bahasa Arab ataupun bertutur dengannya.
- v. Secara khususnya, dalam pengajaran dan pembelajaran frasa al-idhāfah, penekanan mestilah diberikan kepada frasa al-idhāfah yang melibatkan al-muthanna dan juga jam' al-muzakkar al-sālim, sama ada dalam kasus nominatif, kasus akusatif dan kasus genitif.

## RUJUKAN

Abdul Hamid Abdullah & Embong Mohamad. (1993). Pendidikan Islam Di KUSZA: Masalah Dan Prospek. Dlm. Ismail Ab. Rahman, Abdul Aziz @ Ahmad Mohd. & Mohd. Yasin Muda. Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Harapan- (210-217). Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.

- Abdul Wahab Zakaria. (1995). *Turuq Ta'lim Qawā'id Al-Lughah Al-'Arabiyyah Fī Al-Marhalah Al-Thānawiyyah Bi Al-Ma'had Al-Muhammadī Bi Wilayah Kelantan– Maliziya: Dirāsat Tahliliyah Taqwīmiyyah*. Disertasi Ijazah Sarjana Universiti Antarabangsa, Malaysia. Islam
- Ab. Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran Frasa Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kesalahan*. Tesis Ijazah Tinggi Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ashinida Aladdin. (1998). *Kekeliruan Antara Al-Idhāfah Dan Al-Na`at Di Kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Ijazah Sarjana Bahasa Moden. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan (Buku 1)*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Faisal Othman. (1993). *Pengajian Islam Di Pusat Pengajian Tinggi: Pengalaman Fakulti Pengajian Islam*, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Ismail Ab. Rahman, Abdul Aziz @ Ahmad Mohd. & Mohd. Yasin Muda. *Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Harapan-(210-217)*. Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.
- Ishak Rejab. (1992). *Masalah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Dlm. Ismail Ab. Rahman. *Pendidikan Islam Di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Ijazah Tinggi Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Mat Taib Pa. *Isu-Isu Pengajaran Bahasa Dan Kesusastraan Arab Di Institut Pengajian Tinggi*. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa Dan Kesusastraan Arab Di Institut Pengajian Tinggi Malaysia–SEBAKA 2008, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-23 Mac 2008. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor, 2008.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman, Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri Bahasa Arab–Fonetik, Morfologi Dan Sintaksis*. Universiti Putra Malaysia, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.